

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 2 APRIL 2018

SOALAN :

YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Kuil Sri Subramaniam, Batu Caves setiap tahun. Berapakah anggaran jumlah pelancong dalam negeri dan luar negeri yang melawat Batu Caves setiap tahun.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dibawah tiada sebarang peruntukan khusus dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) untuk menaiktaraf Kuil Sri Subramaniam di Batu Caves.

Walau bagaimanapun di bawah RMKe9, Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM4.4 juta di Batu Caves dan persekitaran kuil dibawah program peningkatan kemudahan pelancongan bagi kerja-kerja menaiktaraf dataran (*interlocking Paver*), tempat letak kereta, sistem saliran, *railing* dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 dianggarkan sejumlah 2.06 juta pelancong dalam dan luar negeri telah melawat Batu Caves. Manakala pada tahun 2017, jumlah ini telah meningkat kepada 2.26 juta pelancong.

Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di Batu Caves. Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Tourism Malaysia, Tourism Selangor Sdn Bhd dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membangunkan industri pelancongan termasuklah di Batu Caves.

Sekian, terima kasih.

118

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 2 APRIL 2018 (ISNIN)
SOALAN : 55

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar cukai jalan ke atas kenderaan-kenderaan yang menggunakan petrol dan yang menggunakan diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan kadar fi LKM bagi kenderaan-kenderaan yang didaftarkan adalah sepertimana yang digariskan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran Dan Pelesenan) 1959. Asas pengiraan kadar fi LKM adalah berbeza bagi setiap kenderaan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti Jenis Kenderaan sama ada kenderaan persendirian atau perdagangan, jenis bahan bakar, kapasiti enjin , muatan tempat duduk dan jenis kegunaan.

Maklumat terperinci berhubung penetapan kadar fi LKM boleh didapati melalui laman sesawang

[http://www.jpj.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=ef8fefc9-2a29-](http://www.jpj.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=ef8fefc9-2a29-4814-a5bf-9af71905636c)

[4814-a5bf-9af71905636c.](http://www.jpj.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=ef8fefc9-2a29-4814-a5bf-9af71905636c)